



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR  
TINGKAT 8, KOMPLEKS TUN RAZAK, BANDAR INDERA MAHKOTA 25626 KUANTAN PAHANG DARUL MAKMUR  
TEL : 609-5733100 / 5733966 / 5734546 FAX : 609-5733440 / 5732676

**MINIT MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA JABATAN ( MBJ )  
NO. MBJ : 4616001  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR  
BIL. 1 TAHUN 2008**

Tarikh : 14 April, 2008 ( Isnin )  
Masa : 2.30 Petang  
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,  
JPS Negeri Pahang, Tingkat 8,  
Kompleks Tun Razak,  
Kuantan.

**Hadir :**

1. Tuan Haji Abdul Malek bin Dollah  
( Pengarah JPS Negeri Pahang ) - Pengerusi MBJ
2. Tuan Haji Sulian bin Bakat  
( Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian  
Mekanikal dan Elektrikal ) - Ahli MBJ  
( Pihak Pegawai )
3. Encik Idrus bin Ahmad  
( Ketua Penolong Pengarah Kejuruteraan  
Sungai dan Pantai ) - Ahli MBJ  
( Pihak Pegawai )
4. Y.M. Tengku Abdul Rahman bin Tengku Azam  
( Jurutera Kanan Daerah Temerloh ) - Ahli MBJ  
( Pihak Pegawai )
5. Encik Ariff bin Othman  
( Pembantu Teknik Kanan, Gred J36,  
Ibu Pejabat JPS Negeri Pahang ) - Ahli MBJ  
( Pihak Pekerja )
6. Encik Zabedin bin Shamsuddin  
( Juruteknik Kanan, Gred J26, ) - Ahli MBJ  
( Pihak Pekerja )

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 7.  | Tuan Haji Mohd Puzi bin Mohd Salleh<br>( Juruteknik Kanan, Gred J26,<br>JPS Daerah Kuantan )                          | - | Ahli MBJ<br>( Pihak Pekerja )<br>( Wakil J17 - J26 )                          |
| 8.  | Puan Norazahan binti Jonid<br>( Juruteknik, Gred J17,<br>Ibu Pejabat JPS Negeri Pahang                                | - | Ahli MBJ<br>( Pihak Pekerja )<br>( Wakil Wanita )                             |
| 9.  | Encik Jaafar bin Rani<br>Pembantu Tadbir, Gred N17,<br>Ibu Pejabat JPS Negeri Pahang )                                | - | Setiausaha Bersama ( MBJ<br>( Setiausaha Pihak Pekerja )<br>( Wakil N17 & W17 |
| 10. | Puan Junaidah binti Nawawi<br>( Pekerja Rendah Awam, Gred R1,<br>JPS Daerah Kuantan )                                 | - | Ahli MBJ<br>( Pihak Pekerja )<br>( Wakil R1 - R11 )                           |
| 11. | Encik Azazillah bin Abd. Aziz<br>( Pekerja Rendah Awam, Gred R1,<br>JPS Daerah Bentong )                              | - | Ahli MBJ<br>( Pihak Pekerja )<br>( Wakil R1 - R11 )                           |
| 12. | Encik Pozian bin Kamaluddin<br>( Pekerja Rendah Awam, Gred R1,<br>JPS Daerah Raub )                                   | - | Ahli MBJ<br>( Pihak Pekerja )<br>( Wakil R1 - R11 )                           |
| 13. | Encik Raduan bin Harun<br>( Pembantu Am Pejabat, Gred N4,<br>Ibu Pejabat JPS Negeri Pahang                            | - | Ahli MBJ<br>( Pihak Pekerja )<br>( Wakil N1 – N11)                            |
| 14. | Encik Mohammad bin Abdullah<br>Penolong Pengarah Kanan Pentadbiran<br>Dan Kewangan<br>Ibu Pejabat JPS Negeri Pahang ) | - | Setiausaha MBJ (  |

**Tidak Hadir ( Dengan Maaf ) :**

- |    |   |   |   |
|----|---|---|---|
| 1. | Tuan Haji Rashiddi bin Haji Hussein<br>( Timbalan Pengarah JPS Negeri Pahang )        | - | Ahli MBJ<br>( Pihak Pegawai )                     |
| 2. | Encik Saiful Rizan bin Sanusi<br>( Jurutera Daerah, Gred J41,<br>JPS Daerah Kuantan ) | - | Naib Pengerusi MBJ<br>( Pengerusi Pihak Pekerja ) |
| 3. | Encik Mohd Noor bin Bidin<br>( Jurutera Kanan Daerah Raub )                           | - | Ahli MBJ<br>( Pihak Pegawai )                     |

## 1. UCAPAN Pengerusi

1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan ribuan terima kasih kepada semua ahli Majlis Bersama Jabatan sama ada dari Pihak Pegawai ataupun Pihak Pekerja.

1.2 Seterusnya Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa :

( i ) Mesyuarat ini merupakan mesyuarat kali pertama bagi tahun 2008, telah lewat daripada tarikh sebenar sepatutnya diadakan iaitu selewat-lewatnya pada akhir Mac 2008. Kelewatan ini disebabkan Jabatan telah mengalami pertukaran Setiausaha MBJ, En. Khairur Rizal bin Ramli yang telah berpindah ke Pejabat Tanah & Daerah Maran atas kenaikan pangkat. Tuan Pengerusi mengucapkan penghargaan atas sumbangan beliau sebelum ini dan tahniah di atas kenaikan pangkatnya.

Tindakan: Makluman

( ii ) En. Mohammad bin Abdullah, pengganti beliau telah melapor diri di JPS Ibu Pejabat pada 24 Mac 2008. Tuan Pengerusi merakamkan selamat datang kepada beliau yang secara tidak langsung akan dilantik sebagai Setiausaha MBJ yang baru.

Tindakan: Makluman

( iii ) Jabatan Pengairan & Saliran Pahang sentiasa mematuhi Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002 untuk mengadakan mesyuarat setiap tiga ( 3 ) bulan sekali atau empat ( 4 ) kali setahun. Bagi tahun 2006, JPS Negeri Pahang telah menerima Sijil Penghargaan dari pihak JPA pada 2 Februari, 2007. Sijil Penghargaan telah dimasukkan ke dalam laman web Jabatan untuk ditatap oleh semua kakitangan di pelbagai peringkat. Tuan

Pengerusi meminta agar salinan Sijil Penghargaan dapat dikemukakan kepada semua Daerah untuk makluman semua.

Tindakan: Urusetia

- ( iv ) Minit Mesyuarat MBJ Bil. 4 / 2007 yang diadakan pada 27 Disember, 2007 telah diedarkan kepada semua ahli mesyuarat, Ketua Bahagian / Jurutera Daerah dan Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia pada 15 Januari, 2008. Salinan minit juga dikemukakan kepada Pejabat SUK Pahang dan JPS Malaysia.

Tindakan: Makluman

## 2. **MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN BIL. 4 / 2007**

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan ( MBJ ) Bil. 4 Tahun 2007 yang diadakan pada 27 Disember, 2007 **disahkan tanpa pindaan** .

## 3. **PERKARA - PERKARA BERBANGKIT**

### 3.1 **Ujian Lisan PTK Untuk Kakitangan Gred R1 hingga R22**

Mesyuarat **dimaklumkan** bahawa :

- ( i ) Ujian Lisan PTK bagi Kumpulan Sokongan II JPS Negeri Pahang telah diadakan pada 5 dan 6 Mac, 2008.
- ( ii ) Pengumpulan markah bagi Ujian Lisan PTK di para (i) sedang diselaraskan dan akan dimuktamadkan oleh Urusetia PTK,

Pengerusi Panel dan wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dalam mesyuarat yang akan ditentukan kemudian.

Tindakan: PPK (Pentadbiran) /  
Makluman

### 3.2 **Cadangan Mengadakan Kursus Kumpulan Sokongan Teknikal Gred J17 hingga J38**

Mesyuarat **dimaklumkan** bahawa :

- ( i ) Kursus bagi Kumpulan Sokongan Teknikal Gred J17 hingga J38 yang pada awalnya dijadualkan dalam bulan Mac, 2008 telah ditunda dan diberikan tajuk "Kursus Pemantapan Sistem Penyampaian Bagi Kumpulan Sokongan Teknikal , Gred J17-J38" akan diadakan pada 15-17 April 2008 di Serai di Lanjut, Rompin.

Tindakan: Makluman

### 3.3 **Elaun Pemandu Kenderaan Melebihi 5 Tan Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1997**

3.3.1 Mesyuarat **dimaklumkan** sekali lagi arahan yang dikeluarkan oleh JPS Negeri Pahang bertarikh **24 Disember, 2007** berkenaan ' Pembayaran Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/ 1997 ( Pembayaran Tidak Dimasukkan Dalam Slip Gaji Pemandu)'. Antara arahan yang dikeluarkan itu :

- ( i ) Pembayaran Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu tidak boleh dimasukkan dalam slip gaji / sistem payroll seolah-olah merupakan pendapatan tetap bulanan tanpa mengira jumlah hari pemandu bertugas dalam sebulan. Amalan semasa semasa yang memasukkan terus elaun berkenaan

ke dalam slip gaji pemandu menyalahi Para 8, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/1997 yang menghendaki pemandu yang menjalankan tugas memandu kenderaan berkenaan bagi tempoh kurang daripada 28 hari hendaklah dibayar Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu bagi **hari-hari di mana beliau menjalankan tugas berkenaan**

- ( ii ) Syarat memandu kenderaan berkenaan **tidak kurang 4 jam sehari** hendaklah juga dipatuhi sebelum Pegawai Penyelia mengesahkan tuntutan bayaran.
- ( iii ) Semua Ketua Bahagian/Jurutera Daerah dikehendaki menyediakan Penyata Perubahan (Kew. 8) bagi mengeluarkan bayaran Elaun yang dimasukkan dari slip gaji pemandu dan menghantar Borang Kew. 32 untuk mendapat kelulusan dari Ibu Pejabat JPS Pahang bagi membayar elaun mengikut jumlah yang dituntut sahaja sepertimana kelulusan yang sama dalam permohonan tuntutan elaun Tugas Memandu Kenderaan dan Elaun Basikal.
- ( iv ) Penyata Perubahan bagi penamatan bayaran elaun secara tetap pada setiap bulan yang disediakan perlu mendapat kelulusan Pejabat SUK Pahang kerana kelulusan pembayarannya terdahulu diluluskan oleh pihak yang sama.

Tindakan: Semua Ketua  
Bahagian / Jurutera  
Daerah

3.3.2 Semua Wakil Pekerja diminta untuk menyemak perkara ini dengan pejabat masing-masing.

Tindakan: Wakil Pekerja / Semua  
Ketua  
Bahagian / Jurutera  
Daerah

### 3.4 Keselamatan Jalan Masuk Ke Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, Semambu

3.4.1 Mesyuarat **dimaklumkan** bahawa Jurutera JPS Daerah Kuantan telah membangkitkan perkara ini melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah. Jurutera JPS Daerah Kuantan masih dalam proses berbincang dengan JKR Daerah Kuantan untuk diambil tindakan susulan.

3.4.2 Seterusnya mesyuarat **bersetuju** agar perkara ini disusul dan dilaporkan status terkini dari semasa ke semasa kepada ahli mesyuarat sehingga ia selesai.

Tindakan: KPPK Mekanikal /  
JD JPS Kuantan

### 3.5 Pegawai Keselamatan Di Rumah-Rumah Pam

3.5.1 Mesyuarat **mengambil maklum** mengenai *Senarai Rumah Pam/Lokasi Kedudukan Pam Negeri Pahang 2008* yang diedarkan oleh Pihak Pekerja. Tuan Pengerusi menyerahkan tanggungjawab kepada semua Jurutera Daerah JPS berkenaan dengan isu keselamatan peralatan di rumah-rumah pam terutamanya beberapa kes kecurian yang berlaku di rumah-rumah pam tersebut.

Tindakan: Semua Jurutera  
Daerah / KPPK BPME

3.6 **Pergerakan Gaji Secara Anjakan Kakitangan Yang Lulus PTK Aras IV Tetapi Mendapat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan Yang Tidak Memuaskan**

3.6.1 Mesyuarat **dimaklumkan** bahawa taklimat berkaitan panduan penilaian prestasi telah diadakan bagi JPS Zon Pahang Barat (Raub, Bentong, Lipis dan Cameron Highlands) pada 07 November, 2007 (Rabu) dan JPS Zon Pahang Tengah (Temerloh, Bera, Jerantut dan Maran) pada 16 November, 2007 (Jumaat). Sesi taklimat bagi JPS Zon Pahang Timur (Pekan, Rompin dan Kuantan) akan dijadualkan semula selaras dengan program naziran Jabatan.

Tindakan: PPK (Pentadbiran) /  
JD di Zon Pahang  
Timur

3.7 **Pegawai Kaunseling Jabatan**

3.7.1 Mesyuarat **mengambil maklum** mengenai perlantikan seramai empat (4) orang pegawai sebagai Pegawai Kaunseling Jabatan. Nama-nama pegawai kaunseling Jabatan telah dimaklumkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang bagi keperluan latihan dan juga program-program tertentu serta rekod Pentadbiran Negeri / Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tindakan: Makluman

3.8 **Keselamatan Pejabat**

3.8.1 Mesyuarat secara dasarnya **bersetuju** dan **mengambil maklum:**

- (i) akan keperluan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di Ibu Pejabat JPS Negeri Pahang sebagai langkah keselamatan memandangkan Ibu Pejabat JPS Negeri

Pahang pernah dimasuki pencuri yang menyebabkan berlakunya beberapa kehilangan harta awam / Kerajaan.

- ( ii ) namun, memandangkan pembelian peralatan CCTV berkenaan dikategorikan sebagai harta modal / aset dan ia tidak disenaraikan dalam 'one-off' Jabatan bagi Tahun 2008, cadangan pembelian akan dimasukkan dalam permohonan 'one-off' Jabatan bagi Bajet Tahun 2009.

Tindakan: Makluman

### 3.9 Kekurangan Kakitangan JPS di Daerah-Daerah

- 3.9.1 Mesyuarat **dimaklumkan** bahawa pengambilan calon-calon bagi Pembantu Tadbir Gred N17 telah dilakukan oleh Pejabat SUK Pahang. Pengisian ke dalam kekosongan jawatan di setiap Jabatan akan dilakukan oleh pihak SUK dalam bulan Jun 2008.

Tindakan: Makluman

- 3.9.2 Mesyuarat juga **dimaklumkan** bahawa permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut telah diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang pada 19 Februari 2008 :

<b><u>Bil.</u></b>	<b><u>Jawatan / Gred</u></b>	<b><u>Jumlah Diluluskan</u></b>
i.	Pemandu Kenderaan, R3	5 jawatan
ii.	Pembantu Am Pejabat, N1	2 jawatan
iii.	Pekerja Awam, R1	18 jawatan
iv.	Jaga, R1	1 jawatan
	<b>Jumlah :</b>	<b><u><u>26 jawatan</u></u></b>

Pihak Urusetia dalam proses untuk menentukan tarikh dan masa bersesuaian bagi temuduga jawatan-jawatan tersebut.

Tindakan: PPK (Pentadbiran)

#### 4. PERBINCANGAN USUL BARU

Mesyuarat **dimaklumkan** bahawa Mesyuarat Pihak Pekerja / *pre-council* yang diadakan pada 9 April 2008 jam 10.00 pagi telah bersetuju untuk mengemukakan usul-usul berikut bagi dibincang dan diputuskan bersama.

##### 4.1 **Ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian (*delivery system*) di Ibu Pejabat JPS Pahang**

4.1.1 Mesyuarat **dimaklumkan** mengenai cadangan Pihak Pekerja untuk mengadakan mesyuarat/perjumpaan berikut bagi memberi peluang kepada pekerja untuk menyampaikan dan menyelesaikan cadangan/isu secara bersama di samping dapat mengeratkan silaturahim :

( i ) Mesyuarat/perjumpaan dengan kakitangan di bahagian Teknikal/ Pentadbiran JPS Ibu Pejabat sebanyak 3 – 4 kali setahun ;

( ii ) Mesyuarat Pagi di antara Ketua Unit di Ibu Pejabat JPS Pahang;

Tindakan: Makluman

4.1.2 Seterusnya mesyuarat **berbincang** dan **bersetuju** dengan cadangan yang dikemukakan oleh Pihak Pekerja seperti berikut :

- ( i ) Program/perbincangan/mesyuarat bersama kakitangan dan pengurusan di bahagian Teknikal/Pentadbiran JPS Ibu Pejabat dapat diadakan 3 kali setahun tertakluk kepada kesesuaian masa bagi mewujudkan kemesraan dan peluang untuk membangkitkan sebarang isu/masalah bagi penyelesaian bersama.
  
- ( ii ) Mesyuarat Pagi akan diwujudkan dengan dihadiri oleh semua Ketua Unit di Ibu Pejabat JPS Pahang. Ianya akan dipengerusikan oleh Pengarah JPS Pahang dan dirancang untuk diadakan setiap minggu pada hari Rabu. Namun demikian, kekerapan mesyuarat adalah tertakluk kepada ruang masa dan wujudnya batasan faktor-faktor luaran yang lebih prioriti.

Tindakan: PPK (Pentadbiran) /  
Semua

## 4.2 **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ( APC )**

4.2.1 Mesyuarat **dimaklumkan** oleh Pihak Pekerja akan cadangan agar :

- ( i ) APC diberikan keutamaan kepada bakal-bakal pesara di JPS Pahang dengan syarat mereka layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
  
- ( ii ) APC diberikan keutamaan kepada pekerja yang telah berkhidmat di JPS Pahang sekurang-kurangnya satu tahun atau lebih dan mematuhi semua syarat di Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) berkaitan.

Tindakan: Makluman

4.2.2 Mesyuarat **berbincang** dan membuat **keputusan** seperti berikut:

- ( i ) Merujuk kepada *Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 2 Tahun 2002 : Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam*, tiada ketetapan menyatakan bakal-bakal pesara akan diberikan keutamaan dalam pemberian APC. Kriteria pemilihan calon yang layak adalah berasaskan kepada prestasi kerja pada tahun penilaian dengan markah sekurang-kurangnya 85% serta keputusan Panel PPSM .
- ( ii ) Kelayakan lain yang ditetapkan adalah anggota kerja berkenaan telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun penuh pada hari terakhir tahun penilaian.
- ( iii ) Perkara ini telah dijelaskan kepada semua anggota JPS Negeri Pahang pada setiap kesempatan pertemuan yang ada seperti siri naziran di setiap daerah yang dilawati.

Tindakan: Makluman

- ( ii ) Semua Jurutera Daerah/Ketua Bahagian turut diminta mengambil perhatian dan tindakan sewajanya asas kelayakan tersebut bagi cadangan calon APC. Perasaan ketidakpuashatian oleh kakitangan lain yang lebih layak tidak akan timbul sekiranya semua pihak mematuhi perkara ini.

Tindakan: Jurutera Daerah/Ketua Bahagian/Makluman

#### 4.3 **Penjelasan Mengenai Pertimbangan Anjakan Gaji**

4.3.1 Mesyuarat **dimaklumkan** oleh Pihak Pekerja akan cadangan supaya mensyaratkan kepada Pegawai-Pegawai Penilai Pertama untuk memberi keutamaan dan pertimbangan dari segi laporan prestasi tahunan yang tinggi kepada calon-calon yang telah lulus PTK Tahap 4. Cadangan ini selaras dengan keperluan untuk melayakkan mereka dicalonkan penerima Anjakan Gaji.

Tindakan: Makluman

4.3.2 Mesyuarat **berbincang** dan membuat **keputusan** seperti berikut:

- ( i ) Anjakan Gaji dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan adalah dua kaedah yang berlainan dalam pemberian ganjaran kepada anggota kerja, sebagaimana diperincikan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002. Kaedah pemberian APC adalah berasaskan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan sepenuhnya, dan tidak lagi dikaitkan dengan pergerakan gaji anggota. Manakala Anjakan Gaji adalah berdasarkan keputusan PTK (Lulus dengan Tahap 4), di mana Panel PPSM juga mempunyai kaedah tertentu bagi calon anjakan gaji yang lulus PTK Tahap 4 dengan keperluan memenuhi markah minimum yang ditetapkan berasaskan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan anggota berkenaan. Perkara ini telah sedia maklum oleh semua anggota kerja.
  
- ( ii ) Isu yang dibangkitkan di dalam para 4.3.1 adalah berkaitan dengan proses penilaian yang dijalankan oleh Pegawai Penilai dalam Sistem Penilaian Prestasi. Semua Pegawai Penilai perlulah memahami Prinsip Asas (**objektif, adil dan telus**) dan tujuan utama Sistem Penilaian Prestasi

diwujudkan . Sekiranya prinsip asas dipatuhi oleh semua Pegawai Penilai, isu tersebut tidak timbul sama sekali.

- ( iii ) Semua Pegawai Penilai diminta untuk mengambil perhatian dan tindakan yang serius dalam perkara ini semasa proses penilaian prestasi dilakukan kepada Pegawai Yang Dinilai.

Tindakan: Semua

#### 4.4 **Penyelarasan Permohonan Mengikut Kursus/Latihan Kakitangan**

- 4.4.1 Mesyuarat **dimaklumkan** oleh Pihak Pekerja akan cadangan agar pihak pengurusan dapat menyelaraskan semua kakitangan yang memohon untuk mengikuti kursus/latihan supaya mereka yang pergi berkursus tidak mengikuti kursus yang sama dan berulang. Pihak Pekerja memohon kelulusan kursus diberikan kepada kursus yang berkaitan dengan tugas masing-masing sahaja.

Tindakan: Makluman

- 4.4.2 Mesyuarat **berbincang** dan membuat **keputusan** seperti berikut:

- ( i ) Pemilihan kursus oleh setiap kakitangan terlibat perlu mengambil kira kesesuaian tugas kakitangan berkenaan sahaja.
- ( ii ) Ketua Bahagian / Jurutera Daerah perlu mengambil usaha untuk memantau kursus yang dipohon oleh kakitangan berkenaan sebelum perakuan pencalonan dikemukakan kepada JPS Ibu Pejabat.

Tindakan: Jurutera  
Daerah/Ketua  
Bahagian

#### 4.5 **Penggantian Perabut Lama**

4.5.1 Mesyuarat **dimaklumkan** oleh Pihak Pekerja akan cadangan agar pihak pengurusan menimbangkan penggantian perabut lama di JPS Ibu Pejabat.

Tindakan: Makluman

4.5.2 Mesyuarat pada dasarnya **bersetuju** dan mengambil **maklum**:

- ( i ) akan keperluan penggantian perabut lama di Ibu Pejabat JPS.
- ( ii ) namun begitu, memandangkan penggantian perabut lama berkenaan dikategorikan sebagai harta modal / aset dan ia tidak disenaraikan dalam 'one-off' Jabatan bagi tahun 2008, cadangan perolehan akan dimasukkan dalam permohonan 'one-off' Jabatan bagi Bajet Tahun 2009.

Tindakan: Timbalan  
Pengarah/Pegawai  
Perhubungan Korporat

#### 4.6 **Pembahagian tugas Pekerja Rendah Awam Hidrologi**

4.6.1 Mesyuarat **dimaklumkan** oleh Pihak Pekerja mengenai Pekerja aduan Rendah Awam (PRA) Unit Hidrologi di JPS Kuantan yang terpaksa menanggung beban kerja luar yang terlalu banyak dan lebih berbanding PRA Unit Hidrologi di Ibu Pejabat JPS Pahang. Pihak Pekerja mencadangkan agar pihak pengurusan dapat membuat tindakan susulan mengenai pembahagian tugas yang lebih saksama kepada kakitangan berkenaan.

Tindakan: Makluman

4.6.2 Mesyuarat **mengambil maklum** dan siasatan lanjut akan dibuat berkenaan isu dalaman yang dibangkitkan di para 4.6.1.

Tindakan: KPPK BPME

#### 4.7 **Penggunaan Kenderaan Jabatan/Kontrak**

4.7.1 Mesyuarat **dimaklumkan** oleh Pihak Pekerja mengenai pengagihan kenderaan jabatan/kontrak yang tidak seimbang dan teratur. Sebagai contoh, kes penggunaan kereta WAJA iaitu kereta kontrak di JPS Ibu Pejabat yang tidak dapat dimanfaatkan penggunaannya oleh semua anggota kerja dan kenderaan berkenaan tidak diserahkan kepada pemandu Jabatan untuk memandu kenderaan tersebut. Pihak Pekerja mencadangkan agar pihak pengurusan dapat bertindak untuk menyelesaikan isu ini.

Tindakan: Makluman

4.7.2 Mesyuarat pada dasarnya **bersetuju** dan **memutuskan** seperti berikut :

- (i) pihak Jabatan akan memohon penggunaan pemandu daripada pihak kontraktor projek berkaitan iaitu MRCB Environment Sdn. Bhd. tertakluk kepada semakan '*maintenance contract*' terlebih dahulu, dan
- (ii) sekiranya tiada pemandu diperolehi daripada MRCB Environment Sdn. Bhd., Tuan Pengerusi akan mengusahakan untuk memberi tugas kepada pemandu Jabatan agar penggunaannya dapat dimanfaatkan oleh semua anggota kerja.

Tindakan: KPP (Sungai & Pantai)

#### **4.8 Penstrukturan JPS Pahang**

4.8.1 Mesyuarat **dimaklumkan** oleh Pihak Pekerja mengenai cadangan supaya pihak pengurusan menekankan isu "re-organisasi" JPS Pahang disegerakan supaya pengisian jawatan-jawatan penting dapat diuruskan dengan segera kerana kekosongan jawatan-jawatan penting semakin ketara.

Tindakan: Makluman

4.8.2 Tuan Pengerusi menjelaskan tentang perkara yang sama sebagaimana perkara 3.9 dengan tambahan berikut :-

- ( i ) JPS Malaysia telahpun membuat pengesahan untuk mengisi jawatan Jurutera Daerah yang kosong di peringkat negeri.
- ( ii ) kemungkinan pengambilan jawatan Juruukur Bahan Gred J 41 di JPS Ibu Pejabat untuk ditempatkan secara pinjaman daripada JPS Malaysia.

Tindakan: Makluman

#### **4.9 Permohonan Bantuan Insentif Tabung Kewangan (BITK)**

4.9.1 Mesyuarat **dimaklumkan** oleh Pihak Pekerja mengenai cadangan supaya permohonan oleh Juruteknik yang menjalankan kerja-kerja berkaitan kewangan di JPS Kuantan disegerakan.

Tindakan: Makluman

4.9.2 Mesyuarat **mengambil maklum** akan perkara ini dan menjelaskan setiap permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2001 akan diproses oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Tindakan: PPK ( Pentadbiran )

#### **4.10 Penyeliaan kakitangan**

4.10.1 Mesyuarat **dimaklumkan** oleh Pihak Pekerja akan kenyataan supaya pihak pengurusan JPS Pahang meneliti keperibadian seseorang penyelia memandangkan personaliti yang baik dapat dijadikan contoh kepada kakitangan bawahan

Tindakan: Makluman

4.10.2 Mesyuarat **dimaklumkan** bahawa saranan tersebut ditimbulkan atas kes terpercil yang berlaku di antara pekerja bawahan dan penyelia. Namun begitu agar sukar kes sebegini untuk diselesaikan memandangkan kenyataan tersebut terlampau umum dan tiada butiran terperinci untuk disahkan dan dibuat tindakan susulan.

Tindakan: Makluman

### **5. HAL - HAL LAIN**

#### **5.1 Perlantikan Wakil Baru Pihak Pekerja Bagi Kumpulan Pekerja Gred N17 hingga N26**

Mesyuarat **dimaklumkan** mengenai pelantikan En. Mohd. Jaafar b. Rani, Pembantu Tadbir N 17 (Setor) sebagai Ahli Majlis Bersama Jabatan mewakili Pihak Pekerja N17-N26 di JPS Pahang bagi sesi 2008/2009, menggantikan En. Ahmad bin Hassan.

Tindakan: Makluman

## 5.2 Cadangan Lawatan Teknikal (Lawatan Sambil Belajar) Ahli MBJ Tahun 2008 ke Negeri Johor Darul Takzim

Mesyuarat pada dasarnya **bersetuju** dengan cadangan ini dan meminta Pihak Pekerja menyediakan kertas cadangan yang berkaitan untuk dibentangkan dalam mesyuarat yang akan datang

Tindakan: Encik Ariff bin Othman

## 6. PENUTUP

- 6.1 Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir, dan memohon agar semua anggota kerja dapat mempertingkatkan prestasi kerja masing-masing sementara segala cadangan telah didengar oleh pihak pengurusan .
- 6.2 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang. Semua pihak adalah diminta membuat tindakan susulan berasaskan kepada keputusan yang telah diambil.

Disediakan oleh :

.....  
**Mohammad bin Abdullah**  
**Penolong Pengarah Kanan Pentadbiran**  
**( Setiausaha Mesyuarat MBJ )**  
**Tarikh :**

Disemak oleh :

.....  
**Tuan Haji Abdul Malek bin Dollah**  
**Pengarah JPS Pahang**  
**( Pengerusi Mesyuarat MBJ )**  
**Tarikh :**

Rujukan : Bil. ( )dlm.JPS.PHG.PK.0247 Bhg. 4